

25/04/1998

MBBC penggalak usaha sama sektor swasta

Kamal Ahmad

RAKYAT Malaysia mahu menggugurkan bagasi sejarah penjajahan British yang meninggalkan tradisi dalam perkhidmatan awam, sistem pendidikan dan perundangan serta turut merampas kekayaan dan memisahkan mereka melalui dasar 'pecah dan perintah'.

"Kita tidak lagi berminat memikul bagasi kolonial bagi sejarah ketidakadilan. Apa yang sudah berlaku biarlah ia berlalu. Apa yang lebih penting, kita harus melihat ke hadapan, dan apa yang boleh dilakukan bersama untuk mencipta masa depan yang lebih baik untuk negara dan rakyat masing-masing," demikian ungkapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap hubungan Malaysia dengan Britain sekarang, ketika melancarkan Majlis Perniagaan Malaysia-British (MBBC), pada 21 April lalu.

Seperti majlis perniagaan Malaysia dengan negara lain, MBBC kini adalah jambatan yang memperkukuhkan hubungan kedua-dua negara melalui bidang perdagangan selepas kegiatan itu berlangsung dengan cemerlang ratusan tahun lalu.

Dengan Malaysia dan British masing-masing menyenaraikan 15 tokoh perniagaan terkemuka, MBBC dilihat sebagai wadah yang berupaya menggerakkan satu pasukan pelabur yang mampu menjana projek secara solo atau usaha sama dan sekali gus menyediakan peluang kerja, pemindahan teknologi, perkongsian kepakaran serta meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk.

Penubuhan MBBC dan kegiatan yang membabitkan ahlinya adalah berteraskan konsep "win-win" dan "prosper-thy-neighbour" yang dipandu oleh nilai sejagat itu kepercayaan, hormat, sefahaman dan adil.

Skop dan fungsi MBBC harus dikembangkan merangkumi:

- * Penggalakan usaha sama dan kerjasama antara sektor swasta Malaysia dan UK dalam meneroka peluang pelaburan dan perdagangan di dunia ketiga.

- * UK perlu membantu memperkukuhkan struktur dan operasi syarikat Malaysia yang kini banyak terbabit dengan pelbagai kegiatan di negara Selatan. Bagaimanapun penubuhan syarikat usaha sama tetap dilihat cara terbaik dengan menerapkan kekuatan masing-masing.

- * Nilai dagangan Malaysia-Britain masih dianggap tidak mencerminkan potensi sebenar hubungan dagangan kedua-dua negara. United Kingdom (UK) adalah rakan kesembilan dalam dagangan antarabangsa Malaysia membabitkan nilai RM11.92 bilion atau 3 peratus perdagangan Malaysia pada 1996. Sehubungan itu, sementara Malaysia dilihat sumber import yang kompetitif bagi ekonomi Britain, anggota masyarakat peniaga tempatan harus meneroka laluan untuk mengembangkan penggunaan barangan dan perkhidmatan dari British.

- * Meneroka bersama industri kecil dan sederhana (IKS) kerana program itu juga sejajar dengan objektif Mesyuarat Asia-Eropah (Asem).

- * Anggota MBBC harus mempamerkan semangat dan objektif majlis itu dengan mewujudkan kegiatan/pelaburan di negara rakan. Mereka juga bertanggungjawab menarik dan menggalakkan rakan niaga baru tempatan untuk sama-sama meneroka di negara rakan masing-masing.

- * MBBC harus bertindak sebagai katalis jaringan kerja antara ketua-ketua perniagaan Malaysia dan British dalam membangunkan prospek perniagaan.

- * MBBC juga harus ikhlas membantu memulihkan ekonomi Malaysia sebagaimana kenyataan Perdana Menteri, Tony Blair bahawa Britain bukan rakan Malaysia semasa senang sahaja tetapi rakan semasa susah. Ini boleh dilakukan dengan menjadikan MBBC sebagai penyalur maklumat kepada pelabur

dan masyarakat perniagaan Eropah mengenai kekuatan asas ekonomi Malaysia.

* Mempercepatkan penyediaan web yang kini menjadi wadah rujukan paling popular untuk menyalurkan maklumat tulen. Ini penting supaya beberapa kekeliruan mengenai kestabilan ekonomi Malaysia boleh diperbetulkan melalui maklumat yang lebih tepat, sah dan bertanggungjawab.

* MBBC sebenarnya boleh merujuk Persatuan Perindustrian dan Perdagangan British-Malaysia (BMITA). Malah kedua-dua badan itu boleh bergabung tenaga menyelaraskan peranan, merumus tindakan dan meningkatkan hubungan komersil kedua-dua negara. Pasaran baru seperti negara Eropah, Asean selain India, China dan Timur Tengah harus diterokai bersama melalui syarikat usaha sama yang menggabungkan kepakaran dan kelebihan kedua-dua pihak.

Pengerusi Bersama MBBC, Mirzan Mahathir berkata, penubuhan majlis itu adalah satu perkongsian bestari. Ia untuk meningkatkan hubungan dagangan dua hala melalui galakan peluang perniagaan dan pelaburan yang menguntungkan.

"Ia juga untuk menggiatkan dagang dan pelaburan dua hala dengan menjadikan Malaysia dan UK pintu masuk yang menarik bagi memasuki rantau masing-masing," katanya.

Rakan sejawatnya, Patrick Gilliam, berkata MBBC akan menggalakkan pelaburan dua hala.

"Melalui majlis ini juga kita boleh membawa pelbagai teknologi dan idea dalam hubungan ini," katanya sambil menegaskan Dr Mahathir berjaya membawa Malaysia menjadi kuasa ekonomi yang utuh di rantau ini.

Sementara itu, Pesuruhjaya Tinggi British ke ibu negara, David Moss, mewakili kerajaannya berkata, Britain diyakinkan bahawa Malaysia akan pulih daripada kesulitan ekonominya sekarang dan kini tiba masanya rakan seperti Malaysia dan Britain mesti berdiri bersama dan perlu nampak berdiri bersama.

"MBBC menunjukkan kesinambungan kesungguhan Britain, melalui usaha sama, perkongsian bestari, pemindahan teknologi, serta bentuk kerjasama lain bagi memainkan peranan dalam pengembangan seterusnya ekonomi Malaysia," katanya.

Ketua Eksekutif Asli, Datuk Micheal Yeoh berkata, penubuhan MBBC adalah tetap dan sesuai pada masanya selepas Sidang Asia-Eropah (Asem) dan Dialog London Mengenai Perkongsian Bestari Malaysia-British.

Katanya, sokongan padu kerajaan British terhadap MBBC adalah petanda kesinambungan minat British di Malaysia biarpun dalam situasi kegawatan ekonomi sekarang. Beliau turut melihat majlis itu berupaya membawa ahli perniagaan kedua-dua negara memasuki pasaran negara ketiga seperti Eropah.

Penubuhan MBBC juga harus dilihat sebagai pembukaan lembaran baru dalam hubungan diplomatik bahawa Malaysia dan Britain mampu bekerjasama melalui prinsip perkongsian bestari walau ada tercatat sejarah yang boleh dijadikan alasan untuk terus bermusuhan.

UK sebagai satu komponen yang penting dalam Kesatuan Eropah, diharap mampu membantu meyakinkan sekutunya bahawa Malaysia adalah destinasi pelaburan dan rakan niaga yang berwibawa serta boleh dipercayai.

(END)